

Newspaper	Berita Harian
Date	30/8/2013



Najib mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera** di Bangunan Perdana, Putrajaya, semalam. Hadir sama, Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan barisan menteri Kabinet. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

PM tegur Waythamoorthy

BH - 30/8/2013

» **Pemburuan ahli kongsi gelap pastikan keamanan kekal**

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak semalam menegur Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waythamoorthy yang tidak menyokong pendirian kerajaan dalam gerakan membanteras kegiatan jenayah.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebahagian daripada anggota pentadbiran kerajaan, beliau sepatutnya menyokong ketetapan yang dibuat kerajaan.

“Kita kalau sebagai anggota pentadbiran, kita kena sealian, maknanya pendapat kita kena senada antara anggota pentadbiran... itu dasar yang perlu dipegang,” katanya.

Selaras kehendak rakyat

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Waythamoorthy dalam sebuah portal berita baru-baru ini yang mempertahankan pendiriannya mempertikaikan tindakan polis menembak mati lima penjenayah di Pulau Pinang.

Waythamoorthy, dalam laporan berkenaan turut mempersoalkan sama ada tindakan polis menembak mati penjenayah boleh mengatasi masalah jenayah di negara ini.

Perdana Menteri juga menegaskan pemburuan habis-habisan semua anggota kongsi

gelap dan pertubuhan jenayah selaras dengan kehendak rakyat yang mahukan kehidupan aman dan selamat.

Bukan tindakan drastik

Mengulas pengumuman nama 49 kumpulan kongsi gelap di seluruh negara oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam, Perdana Menteri berkata, ia bukan tindakan drastik kerana rakyat mengharapkan pendekatan lebih dan tegas dan berkesan.

“Kita bukan sengaja mencari kesalahan, sebaliknya semua ini adalah ketetapan kerajaan supaya sesuatu dapat dilakukan secara bersungguh-sungguh dan menyeluruh untuk membanteras jenayah.

“Arahan sudah diberi dan inilah tindakan yang diambil. Tindakan ini bukan saja atas arahan kerajaan tetapi mendapat sokongan rakyat. Rakyat

mesti dapat hidup dalam sebuah negara di mana mereka rasa selamat.

“Kita tidak akan tolak ansur, malah saya minta PDRM supaya tindakan ini dilakukan secara berterusan. Jika anda mahu hidup dalam negara dengan bebas daripada ketakutan, kita kena menentang jenayah, terutama jenayah terancang,” katanya.

Tanda Putera

Mengenai isu larangan tayangan filem *Tanda Putera* di Pulau Pinang, Najib berkata, terpulang kepada pengusaha pawagam sama ada mahu menayang filem berkenaan.

“Ini negara bebas, terpulang kepada pawagam untuk menayangkannya. Saya tak pasti kuasa kerajaan negeri dalam perkara ini tetapi negara ini negara bebas, malah DAP pun selalu suarakan kebebasan,” katanya.